

07 OCT 1997

Annuar-Pemimpin

PERJUMPAAN DENGAN PEMIMPIN LUAR BANDAR JELASKAN KEDUDUKAN EKONOMI

BATU PAHAT, 7 Okt (Bernama) -- Kementerian Pembangunan Luar Bandar akan mengadakan perjumpaan dengan pemimpin-pemimpin masyarakat luar bandar untuk memberi penjelasan mengenai kedudukan sebenar ekonomi negara kini.

Menteri berkenaan, Datuk Annuar Musa, berkata langkah itu bertujuan menyangkal dakwaan pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab yang memperkecilkan kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akibat kejatuhan nilai ringgit sekarang.

" Semua rakyat perlu kekal kepada satu kepimpinan, tidak mudah panik dan resah dengan "musuh" yang sengaja mahu memecah-belahkan perpaduan dalam negara," katanya semasa berucap pada pertandingan Kebersihan, Keindahan dan Kemajuan Kampung (PKKK) peringkat Kebangsaan 1997, di Kampung Parit Tengah, Rengit, dekat sini.

Majlis itu dirasmikan oleh Menteri Besar Johor Datuk Abdul Ghani Othman, yang kemudian menyampaikan hadiah kepada para pemenang. Turut hadir ialah barisan Exco Kerajaan Negeri.

Annuar berkata perjumpaan bersama kementerian itu akan melibatkan semua ketua-ketua kampung termasuk penghulu, penyelia kemas, pengerusi jawatankuasa kemajuan dan keselamatan kampung (JKKK) di seluruh negara.

Beliau berkata pihak musuh sengaja mengambil kesempatan dan kelantangan Perdana Menteri yang menyuarakan ketidakpuasannya terhadap tindakan spekulator, George Soros.

"Tentang Dr Mahathir secara berani dan terbuka itu telah dimanipulasikan oleh pihak musuh yang mahu melihat negara ini berpecah belah," katanya.

Sehubungan itu, Annuar meminta penduduk luar bandar supaya terus mengekalkan perpaduan di kalangan mereka ke arah mencapai ketahanan nasional bagi menangkis cubaan serta dakyah palsu dari luar.

Abdul Ghani, dalam ucapannya, pula berkata walaupun negara menghadapi krisis ekonomi tetapi pembangunan infrastruktur di luar bandar di Johor tidak akan diabaikan.

" Kerajaan negeri mahu penduduk di Johor terus menikmati kemajuan ekonomi negeri serta menjamin anak-anak luar bandar tidak akan tercicir dan tersisih dari arus pembangunan, " katanya.

Pertandingan itu, yang disertai 14 kampung dari seluruh negara, dimenangi oleh Kampung Parit Tengah, Mukim 12, Seri Merlong, Rengit, dekat sini. Kampung itu memenangi hadiah wang tunai RM60,000 dan projek-projek pembangunan bernilai RM370,000. -- BERNAMA

RAM NAK